

26/06/2002

Muafakat demi keteguhan parti: Pak Lah

SOALAN: Perdana Menteri sekarang sedang bercuti, apakah ini bermakna Datuk Seri sekali gus memegang jawatan pemangku Perdana Menteri? Kedua, apakah tugas utama Datuk Seri sebaik menyandang jawatan Pemangku Presiden dan Pemangku Perdana Menteri nanti?

ABDULLAH: Yang pertamanya seperti mana dilaporkan oleh Tan Sri Khalil tadi, atas kehendak beliau (Dr Mahathir), walaupun secara teknikalnya pada waktu ini 10 hari beliau tak ada, tetapi beliau telah menyerahkan kepada saya tugas untuk membuatkan apa juga keputusan yang diperlukan dan selepas itu apabila beliau mengambil cuti panjang dua bulan, maka dengan itu saya akan dilantik secara sah untuk memangku jawatan Perdana Menteri. Ini mengikut peraturan kerajaan, dan beliau juga menambah selepas itu jika berlaku lagi cuti-cuti yang beliau akan ambil, maka saya akan memangku jawatan berkenaan.

Jadi, saya tidak ada apa-apa nak umum daripada segi dasar. Dari segi nak menjalankan kerja, saya akan jalankan kerja dengan baik, dengan setia, tidak akan menimbulkan keraguan kepada beliau dan apabila sesuatu keputusan diperlukan diambil, saya akan membuat keputusan dan insya-Allah saya akan maklumkan kepada beliau jika keputusan penting diambil kerana dua bulan tentu lama dan supaya beliau tahu tentang apa yang sedang berlaku di tanah air dan apa yang berlaku dalam kerajaan.

SOALAN: Bila cuti dua bulan Perdana Menteri akan berlaku?

ABDULLAH: Di antara sekarang dan Oktober. Bulan cuti itu akan diambil dalam jangka masa sekarang dan bulan Oktober tahun 2003.

SOALAN: Tahun depan adalah tahun pemilihan Umno, tidakkah pemilihan itu akan membawa sedikit masalah kepada proses peralihan kuasa yang nak diadakan ini?

ABDULLAH: Perkara itu tidak dibincang semasa kami bertemu Datuk Seri Dr Mahathir dan apabila isu ini timbul, maka tentulah kita ada mekanisme untuk mengatasi jika ada apa-apa masalah yang berkaitan dengan mesyuarat Perhimpunan Agung Umno yang hendak diadakan itu.

SOALAN: Apakah selepas ini Dr Mahathir akan menjadi Perdana Menteri yang kurang berkesan (lame duck)?

ABDULLAH: Itu hanya dalam pemikiran anda. Tetapi dari segi keberkesanan kerja, dari segi status Dr Mahathir, akan tetap dipelihara sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti dan kita masih patuh kepada beliau dan akan bekerja seperti biasa, seolah-olah tidak ada faktor-faktor yang lain kerana beliau sudah tetapkan tarikh untuk beliau meletakkan jawatan. Ini tidak bermakna dalam masa ini pula, saya hendak mendahului beliau, saya nak `projek' diri saya lebih daripada beliau, itu bukan caranya atau tiba-tiba nak keluarkan dasar baru dan sebagainya. Itu tak timbul kerana kehadiran Presiden dan Perdana Menteri perlu dihormati dan begitulah kehendak kami semua yang bermesyuarat hari ini.

SOALAN: Bagaimana dengan jawatan Menteri Kewangan?

ABDULLAH: Datuk Seri Dr Mahathir masih memegang jawatan Menteri Kewangan.

SOALAN: Apakah tahun depan akan menjadi tahun untuk pilihan raya umum? Jadi adakah tempoh dua bulan selepas itu... (soalan tak sempat dihabiskan)

ABDULLAH: Itu spekulasi. Jadi tak payahlah bagi jawapan.

SOALAN: Kalau Dr Mahathir bercuti dalam tempoh dua bulan itu, adakah Datuk Seri juga akan memegang jawatan sebagai pemangku Menteri Kewangan?

ABDULLAH: Selama ini pun begitu juga. Apabila Dr Mahathir ke luar

negara, maka hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan itu, saya ditugaskan untuk bertanggungjawab.

SOALAN: Adakah Datuk Seri atau Dr Mahathir akan mengetuai BN pada pilihan raya umum akan datang?

ABDULLAH: Kita belum bincang bila pilihan raya umum akan datang diadakan.

SOALAN: Boleh jelaskan bahawa tahun depan adalah tahun pemilihan dalam parti, adakah ia terus dijalankan atau ada mekanisme lain yang akan dibuat?

ABDULLAH: Itu biarlah sesuatu yang akan diputuskan oleh Majlis Tertinggi nanti, diputuskan oleh Dr Mahathir sendiri. Tentulah apabila keputusan mengenai perkara itu nak dibuat, maka ia akan mengambil kira keputusan yang telah kita buat hari ini berkaitan dengan pandangan beliau sendiri, iaitu berkaitan dengan tarikh dia nak letak jawatan, pengganti dan lain-lain lagi.

SOALAN: (soalan tak jelas)

ABDULLAH: Saya tidak boleh katakan itu dengan tepat tetapi apabila Datuk Seri Dr Mahathir meletakkan jawatan, maka mana yang dikehendaki oleh beliau, maka sayalah yang akan mengambil alih.

SOALAN: Pada pemilihan dalam parti nanti, apakah kemungkinan akan berlaku perebutan jawatan?

ABDULLAH: Tidak. Anda (wartawan) suka mahu melihat sesuatu akan muncul. Jadi yang ini, saya nak tegaskan di sini bahawa hal yang berkaitan dengan mesyuarat agung yang akan datang, tak timbul pada waktu ini kerana kita akan membuat keputusan mengenai perkara ini kemudian. Apa yang berkaitan mengenai Perhimpunan Agung Umno, pada tarikh mana, bila, kita akan tentukan kemudian. Yang kita bincangkan pada hari ini, yang kita setuju sebulat suara, ialah yang berkaitan dengan hasrat Datuk Seri Dr Mahathir sebagaimana yang telah diperjelaskan oleh Setiausaha Agung dalam kenyataan Majlis Tertinggi. Soal perpaduan dalam parti, saya yakin dengan semangat kita yang ingin bersatu padu, dengan semangat kita ingin sentiasa bermuafakat demi perpaduan parti dan keteguhan parti, apa juga masalah akan dapat diatasi dengan sebaiknya. Kerana yang utama ialah perpaduan dan kita mahu adalah kekuatan. Jadi kalau ada sesiapa yang nak buat andaian kata lepas Dr Mahathir tak ada lagi, kita akan jadi kelam kabut, berkelahi semua.... saya ingat ini tidak akan berlaku dengan semangat yang telah ditunjukkan pada mesyuarat yang diadakan tadi.

SOALAN: Apabila Dr Mahathir berada di dalam negara, apakah beliau akan mempengerusikan mesyuarat Kabinet?

ABDULLAH: Ya, beliau adalah Perdana Menteri dan berada dalam negara.

(END)